

Garis Panduan Menyimpan dan Menjual Motosikal

1. Perniagaan bagi lesen menyimpan dan menjual motosikal hanya dibenarkan dijalankan dikawasan yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Perbandaran Bentong.
2. Bangunan premis hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa. Mana-mana bahagian yang sudah buruk dan kotor hendaklah diperbaiki dan memuaskan setiap masa.
3. Kemudahan sanitasi seperti tandas, bilik air, tempat membasuh tangan, urinal dan sebagainya hendaklah disediakan dipremis dan ianya hendaklah dijaga dalam keadaan baik dan memuaskan pada setiap masa.
4. Sekurang-kurangnya sebuah peti ubat kecemasan yang lengkap hendaklah disediakan.
5. Alat pemadam api yang mencukupi serta diakui dan disahkan oleh Pegawai Bomba hendaklah disediakan dan Majlis Perbandaran Bentong, tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko kebakaran.
6. Menyediakan tong sampah yang mencukupi serta diakui oleh Majlis.
7. Semua sambungan atau tambahan yang hendak dibuat daripada bangunan asal hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Perbandaran Bentong.
8. Tempat awam (kaki lima, longkang awam, lorong belakang, jalan susur dan sebagainya) hendaklah bebas dari sebarang halangan pada setiap masa.
9. Kerja-kerja mencuci dan membaiki motosikal tidak dibenarkan sama sekali dijalankan di atas kaki lima dan jalan susur di hadapan premis.
10. Motosikal yang hendak dijual hanya dibenarkan diletak/ dipamer di dalam premis sahaja. Meletak/ mempamerkan motosikal diatas kaki lima dan jalan susur tidak dibenarkan sama sekali.
11. Semua motosikal yang hendaklah dilekatkan dengan lebel " MOTOSIICAL UNTUK DIJUAL " dan menentukan bahawa lebel dipasang pada setiap masa.
12. Pelesen hendaklah mengambil langkah yang sesuai supaya perniagaan yang dijalankan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai.
13. Lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Majlis hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
14. Menyempurnakan syarat-syarat pelesenan yang tersebut di atas dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat ini serta mematuhiya sepanjang tahun.

15. Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas atau tidak menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan kompaun atau tindakan mahkamah.
16. Adalah diingatkan juga Majlis Perbandaran Bentong boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan lesen tanpa memberi sebarang sebab selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang tersebut di atas, Pihak Majlis mungkin mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa kesemasa mengikut keadaan.